

Rancang program bermanfaat elak anak ke kafe siber

Cuti sekolah kembali lagi. Waktu ini adalah masa yang dinanti pelajar khususnya kerana cuti yang panjang dua minggu mungkin telah dirancang dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah oleh ibu bapa.

Anak-anak amat gembira kerana diberikan peluang untuk berehat dan bersantai setelah penat menelaah pelajaran.

Ketika cuti sekolah, kafe siber menjadi tumpuan pelajar untuk menghabiskan masa lapang. Bagi mereka dengan bermain di internet seharian suntuk dapat mengurangkan tekanan dan emosi.

Hassan Al-Banna pernah mengatakan: "Waktu adalah kehidu-

pan. Mensia-siakan waktu bererti mensia-siakan kehidupan."

Banyak buang masa

Lepak di kafe siber dan bangun lewat menjadi budaya remaja kini bagi menghabiskan cuti sekolah kerana mereka bebas daripada melakukan rutin harian seperti bangun awal ke sekolah, membuat kerja rumah, menghadiri aktiviti kokurikulum dan pergi ke pusat tuisyen.

Mereka diberi masa untuk berehat daripada penat menuntut ilmu, tetapi sayang kebanyakan masa dihabiskan dengan melakukan perkara yang melalaikan. Selama ini kita memberikan

pelbagai alasan seperti sibuk dengan melakukan rutin harian untuk mendalami ilmu agama, jadi inilah masa untuk memantapkan ilmu agama dan menambahkan pengetahuan luar daripada skop yang diajar di sekolah. Antaranya menyertai kem solat, belajar membaca al-Quran, buku dan majalah agama; jangan hanya membaca komik.

Berbanding melepak bersama kawan, ada baiknya jika cuti pada kali ini dimanfaatkan dengan meluangkan masa bersama keluarga tersayang, menolong ibu bapa menguruskan rumah seperti

menjaga adik, membantu ibu di dapur atau membantu bapa membasuh kereta. Pada waktu cuti inilah kita digalakkan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Peranan ibu bapa terhadap anak-anak

Ibu bapa memainkan peranan penting bagi memastikan anak tidak menghabiskan masa cuti sekolah dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Bawalah mereka ke pusat beli-belah bukan bermaksud mengajar mereka membeli-belah semata-mata, tetapi gagalakkan mereka menyertai aktiviti seperti pertandingan melukis,

mewarna atau mencipta sesuatu di pusat beli-belah berkenaan bagi mencungkil bakat terpendam.

Bawalah anak melawat ke tempat bersejarah seperti Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara. Dari situ, mereka dapat mempelajari asal usul setiap monumen yang dibangunkan.

Ibu bapa juga perlu menguruskan masa anak dengan lebih berhemah, penuh kasih sayang dan prihatin agar cuti sekolah mampu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Erwani Ghazali,
USIM